



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
KENYATAAN AKHBARYB MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**TINJAUAN KESIHATAN DAN MORBITI KEBANGSAAN 2015  
NATIONAL HEALTH AND MORBIDITY SURVEY (NHMS) 2015**

**MAJLIS YBMK BERSAMA MEDIA**

Berdasarkan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2015 (*National Health and Morbidity Survey (NHMS)*), secara keseluruhannya, terdapat peningkatan bagi kebanyakan risiko Penyakit Tidak Berjangkit di kalangan penduduk Malaysia berbanding dengan kajian-kajian NHMS yang lalu.

Di kalangan penduduk 18 tahun ke atas:

- 17.5% dengan anggaran 3.5 juta penduduk mengalami masalah diabetes di negara ini.
- 1 daripada 3 orang (30.3%) menghidap hipertensi iaitu melibatkan seramai 6.1 juta orang penduduk.
- Hampir separuh (47.7%) mempunyai paras kolesterol yang tinggi di dalam darah (9.6 juta orang).

Apa yang membimbangkan, lebih daripada separuh pengidap diabetes dan hipertensi tidak mengetahui penyakit yang mereka hidapi manakala 4 daripada 5 orang tidak mengetahui paras cholesterol mereka yang tinggi.

Prevalens obesiti juga meningkat berbanding kajian NHMS yang lepas. Sebanyak 17.7% (3.3 juta) penduduk dewasa di Malaysia adalah obese manakala 1 daripada 3 mempunyai berat badan yang berlebihan.

Prevalens perokok juga masih tinggi iaitu 22.8% (5 juta orang) bagi penduduk 15 tahun dan ke atas. Masalah ini begitu ketara di kalangan lelaki dengan prevalens sebanyak 43.0%. Selain daripada itu, terdapat peningkatan yang ketara dalam penggunaan produk tembakau tanpa asap (*smokeless tobacco*) dari 0.7% pada tahun 2011 kepada 10.9% pada tahun 2015. Penggunaan produk tembakau tanpa asap ini turut merangkumi penggunaan rokok elektronik.

Bagi penggunaan perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan masih menjadi pilihan utama penduduk berbanding perkhidmatan swasta. Sebanyak 77% dari perkhidmatan rawatan pesakit dalam (inpatient healthcare services), 60% dari perkhidmatan pesakit luar (outpatient healthcare services) dan 68% dari perkhidmatan pergigian (oral healthcare services) yang diperolehi oleh penduduk adalah dari perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan.

KKM sentiasa peka dan perihatin terhadap masalah risiko Penyakit Tidak Berjangkit yang sangat membimbangkan ini. Usaha akan terus ditingkatkan di peringkat KKM dalam menangani masalah ini dan dalam masa yang sama masyarakat disaran agar lebih mengambil berat tentang menjagaan kesihatan masing-masing.

**Y.B. DATUK SERI DR S. SUBRAMANIAM**

**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**6 JUN 2016**